

# Penyanyi Soprano Mengejutkan Para Penonton

**Oleh Lim Wan Zhin**

Kota Kinabalu, 1 Mei - Antara pelbagai persembahan koir, penyanyi Soprano menerima tepukan paling banyak dari para penonton "Konsert Koir" pada malam 30 April yang lalu.

Konsert Koir telah berlangsung pada jam 7.40 malam hingga jam 10.30 malam di Dewan Resital UMS dengan sambutan yang meriah dari warga UMS serta orang awam.

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) merupakan pihak penganjur bagi konsert ini.

Avelyn Chua, seorang guru muzik di Sabah Institue of Art dijemput dan mempersembahkan lagu *Der holle Rache*. Pada mulanya, para penonton masih menanti klimax lagu ini. Setelah sampai bahagian korus, nyanyian Avelyn berjaya memeriahkan suasana Konsert Koir dengan kemahiran Soprano yang hebat.

"Nyanyian Avelyn Chua sangat menarik. Saya rasa beliau mempunyai kemahiran yang tinggi dalam Soprano," kata seorang penonton,

Emillia Andrew Ayus, 23.

"Ini adalah kali pertama saya mendengar nyanyian lagu ini secara langsung, dulu hanya mendengar di depan TV sahaja," tambahnya.

Selain itu, persembahan koir daripada pelajar FKSW, Rhowell Rolland Pagi juga mendapat sambutan yang meriah.

Rhowell mempersembahkan lagu bahasa Itali *Lascia Ch'io Pianga* mendapat ribuan tepukan.

Pelajar-pelajar dalam pengajian Seni Muzik berjaya menunjukkan mereka mempunyai kemahiran yang tinggi dalam persembahan Konsert Koir.



Penyanyi Soprano, Avelyn Chua berjaya mengegar bumbung Dewan Resital dengan bakat menyerlah.